

Ref: K.P.8585-8/(65)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.
28hb. Ogos, 1971.

Ketua Pegawai Pelajaran,
Semua Negeri,
Malaysia Barat.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/1971
Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris Baharu
bagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
(Inggeris).

Seperti yang tuan sedia maklum Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris yang baharu (dicetak dalam tahun 1970 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka) untuk sekolah-sekolah rendah tersebut di atas sudah pun dipakai di dalam Darjah Satu dan Darjah Dua pada tahun 1971.


2. Saya adalah diarah memaklumkan bahawa Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris Baharu ini hendaklah digunakan dalam semua darjah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) dari Darjah Satu hingga Darjah Enam mulai daripada Januari, 1972.

3. Jadual yang berikut adalah menunjukkan keadaan tersebut pada tahun 1971 dan 1972:-

Tahun	Darjah	Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris	Masa yang sekurang-kurangnya seminggu
1971	Satu dan Dua	Sukatan Pelajaran Baharu	Darjah 1 - 300 minit Darjah 2 - 300 minit
1972	Satu hingga Enam	Sukatan Pelajaran Baharu	Darjah 3 - 300 minit Darjah 4 - 300 minit Darjah 5 - 300 minit Darjah 6 - 300 minit

4. Harap tuan beritahu isi surat pkeliling ini kepada semua guru-guru besar, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris). Keputusan mengenai bagaimana Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris yang baharu hendak digunakan di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan akan diberitahu kelak.

Saya yang menurut perintah,



(KUM BOO)

Bahagian Sekolah-sekolah
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran

s.k. S.U. kepada Y.B.M.

Y.B. Setiausaha Parlimen.
Ketua Setiausaha.
Ketua Pengarah Pelajaran.
Timbalan Ketua Setiausaha.
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran.
Pengarah (Latihan Guru-guru) – 10 salinan.
Ketua Nazir – 10 salinan
Semua Ketua-ketua Bahagian yang lain.

Pengarah Pelajaran,
Sabah/Sarawak.) Mel Udara

(Untuk makluman dan tindakan sewajarnya.)

Pegawai Kanan,
Biro Buku-buku Teks.

(Sila beritahu semua penerbit-penerbit buku-buku teks.)